

PENGAMAL SANAD KITAB TURATH HADIS KONTEMPORARI DI MALAYSIA

Farhah Zaidar Mohamed Ramli, Mohd. Khafidz Soroni, Zikmal Fuad
farhahzaidar@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Al-Athbat merupakan kumpulan karya penting yang merekodkan rantaian salasilah sanad keilmuan Islam berteraskan kitab-kitab *turath* dalam pelbagai bidang termasuk hadis. Pengkaryaan ini muncul hasil implementasi daripada pengaruh periwayatan salasilah sanad yang masih diaplikasikan oleh ilmuwan Islam pada setiap kurun sehingga kini. Dampak ketara kelansungan kegiatan ini dipertahankan adalah untuk pengekalan kesinambungan sanad kepada Rasulullah ﷺ berwasilahkan pengarang kitab *turath* hadis terutamanya. Namun pengamal sanad kitab turath hadis di Malaysia masih kurang diperkenalkan dan jarang ditonjolkan. Justeru kajian ini bertujuan untuk mengkaji profil pengamal sanad kitab turath hadis di Malaysia. Data dikumpul menerusi metode analisis dokumen karya *thabat* dan temubual lapangan yang membabitkan seorang partisipan tempatan. Analisis data dilakukan secara deskriptif. Dapatan menunjukkan partisipan memiliki rantaian sanad terhadap tujuh buah kitab induk hadis iaitu kutub *sittah* dan *muwatta'*. Rantaian sanad ini disebarkan di Malaysia menerusi sebuah karya *thabat* daripada jenis *awa'il* yg berjudul *Qurrah al'Ain bi Asanid Maulana Hussayn*. Penemuan ini menunjukkan ilmuwan Malaysia arus perdana masih memiliki keserjanaan serta kepakaran dalam arena ilmu periwayatan sanad kitab turath hadis serta turut memainkan peranan penting dalam meneruskan kesinambungan rantaian tersebut demi mengekal kelansungan mata rantai keilmuan hadis di benua Nusantara.

Kata kunci: *pengamal, sanad, kitab, turath, hadis.*

1.0 PENGENALAN

Ilmuwan pada setiap kurun telah menggalas tanggungjawab untuk menghabiskan umur mereka dengan melakukan perjalanan untuk menuntut ilmu secara berkitab dan berguru. Pada masa yang sama mereka turut prihatin dalam mengisnadkan ilmu-ilmu tersebut kepada para guru secara berantainya dan membukukan rantaian tersebut dalam karya yang dikenali dengan *al-athbat*. Rantaian ini dihubungkan menerusi adaptasi aplikasi *al-sama'* (mendengar) atau *al-qira'ah* (membaca) atau mengambil *ijazah* periwayatan kitab-kitab *turath* terutama kitab hadis (*al-Mar'asyli*, 2002).

Keprihatinan konsisten ini menzahirkan konsensus dalam kalangan ilmuwan Islam bahawa sanad ilmu-ilmu pengajian agama berteraskan kitab-kitab *turath* adalah menjadi kekal penting untuk diriwayatkan dan didokumentasikan oleh ahlinya pada setiap kurun. Atas sebab itu pengkaryaan *al-athbat* masih berlangsung dihasilkan secara terpinpin dan teratur serta akhirnya terbentuk menjadi satu disiplin ilmu. Ilmuwan hadis merupakan penggiat yang dominan dalam disiplin ini. Hampir setiap *al-muhaddith* atau *al-hafiz* merupakan *al-musnid* atau pengamal sanad

dalam erti kata komited menghasilkan karya *al-athbat* masing-masing. Biar pun bukan semua *al-musnid* adalah mencapai status *al-muhaddith* atau *al-hafiz* (al-Azhari, 2008).

Selain itu, Karya *al-athbat* juga dapat dirumuskan sebagai dokumen mirip *curriculum vitae* yang mempunyai maklumat spesifik tentang pengarang dalam aspek kesahihan berguru dan kelayakan menyandarkan *ijazah* periwayatan sanad ilmu dengan guru serta dapat menyatakan nama para guru secara berantainya sehingga sampai kepada pengarang asal kitab *turath* terutamanya dalam bidang hadis yang kemuncaknya turut bertaut kepada sumber mutlak ilmu iaitu Rasulullah ﷺ (Brown, 2009).

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Namun pengamal sanad kitab turath hadis dalam konteks Nusantara khususnya di Malaysia masih kurang diperkenalkan dan jarang ditonjolkan. Justeru kajian ini bertujuan untuk mengkaji profil pengamal sanad kitab turath hadis di Malaysia. Data dikumpul menerusi metode analisis dokumen karya *thabat* dan temubual lapangan yang membabitkan seorang partisipan tempatan. Analisis data dilakukan secara deskriptif.

3.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Kajian mengenal pasti partisipan sebagai pengamal sanad kontemporari di Malaysia berdasarkan penemuan sebagaimana kupasan berikut.

a. Nama Lengkap, Kelahiran dan Pendidikan

Nama lengkap partisipan ialah Hussein Bin Abdul Kadir. Partisipan dilahirkan pada tanggal 20 September 1958 di Pyinmana, Myanmar yang kini dikenali Nepyidaw. Kini partisipan merupakan warganegara Malaysia. Kediaman beliau terletak di PT1461 Kampung Huda, Jalan Sultan Yahya Petra, Kubang Kerian, 15200, Kota Bharu, Kelantan. (Maulana Hussein, 2020)

Partisipan merumuskan tujuh fasa perkembangan penglibatan beliau menuntut ilmu sama ada secara formal dan juga non formal. Ia terbahagi kepada empat fasa perkembangan pendidikan di Myanmar dan tiga fasa perkembangan pendidikan di Malaysia. (Maulana Hussein, 2020)

i. Pendidikan di Myanmar

Fasa satu, selepas tamat persekolahan peringkat menengah, partisipan menyatakan bahawa beliau mula mengikuti pengajian bidang agama di Madrasah Mazahir al-Ulum selama 4 bulan sahaja. Namun menurut partisipan ianya bersamaan dengan tiga tahun pengajian biasa. Kemudian dalam fasa kedua, beliau menyambung pengajian di Madrasah As'adiyyah yang diasaskan oleh guru utama partisipan iaitu Maulana Yusuf Al-As'adi selama dua tahun. Seterusnya fasa ketiga, partisipan menanggungkan pengajian beliau di Madrasah As'adiyyah tersebut untuk menimba ilmu di Madrasah Isya'ah al-'Ulum selama dua tahun. Akhir sekali, beliau menamatkan pengajian di madrasah terakhir iaitu Madrasah al-As'adiyyah yang merupakan madrasah utama beliau. (Maulana Hussein, 2020)

ii. Pendidikan di Malaysia

Fasa lima iaitu di Malaysia, partisipan berguru dengan Tuan Guru Haji Abdul Rahman di Pondok Sungai Durian dengan mengikuti kelas khusus bagi bekas murid-murid Tuan Guru yang memegang jawatan Imam dan tenaga pengajar. Seterusnya fasa enam, partisipan juga pernah berguru dengan Tuan Guru Haji Harun Pauh Lima. Beliau merupakan tenaga pengajar di Pondok Moden Kandis. Fasa tujuh partisipan juga mengikuti kelas khusus untuk mengajar SMU@STU di bawah Yayasan Islam Kelantan di Nilam Puri Kota Bharu dibawah pimpinan Guru-Guru Pondok berpengalaman tinggi selama 3 minggu. (Maulana Hussein, 2020)

Ketujuh-tujuh fasa ini menunjukkan partisipan melibatkan diri secara konsisten dalam pendidikan termasuk mengikuti lanjutan kelas khusus untuk meningkatkan kepakaran dalam pengajian ilmu agama. Ia juga menunjukkan partisipan 1 menggarap ilmu secara terpimpin dibawah bimbingan para guru di Myanmar dan di Malaysia. Faktor ini membawa impak terhadap kedudukan partisipan 1 yang dapat diterima baik sebagai salah seorang ilmuwan yang dihormati di Malaysia pada masa kini.

b. Kerjaya dan Penglibatan Kemasyarakatan

Partisipan mempunyai kerjaya sendiri disamping aktif dalam kemasyarakatan khususnya sebagai tenaga pengajar ilmu hadis. Menurut partisipan, beliau berpengalaman menyandang enam jenis kerjaya iaitu pekerja ladang, nelayan, timbalan pengurus Mydin, peniaga roti canai, peniaga kitab arab dan tenaga pengajar khasnya ilmu hadis. (Maulana Hussein, 2020)

Dalam konteks tenaga pengajar, partisipan pernah berkhidmat mengajar di tiga buah pondok di Kelantan iaitu Pondok Sg Durian, Kuala Krai, Kelantan selama 5 tahun, tenaga pengajar ilmu hadis di Pondok Pasir Tumbuh dan Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas, Kelantan. Partisipan 1 juga berpeluang berkhidmat mengajar hadis di sebuah madrasah yang dikenali sebagai Madrasah Ahbabul Mustafa, Tumpat, Kelantan. Selain itu, beliau juga dilantik untuk menjawat jawatan Penasihat sebuah institusi pendidikan yang dikenali sebagai Mujamma' Darul Hadis, Kuala Nerang, Kedah dan Darul Hadis Kota Kinabalu, Sabah. (Maulana Hussein, 2020)

Sehingga kini, partisipan masih mendapat kepercayaan masyarakat melalui undangan mengajar kitab hadis melibatkan rata-rata masjid di seluruh negara. Penglibatan ini secara tidak langsung menzahirkan partisipan sebagai ilmuwan hadis dalam kalangan masyarakat. Malah partisipan diberi gelaran *al-'alim al-falih al-musnid al-solih al-faqih al-nabih al-bahith 'alim al-hadith* oleh Ibrahim M.B. (2016) iaitu antara ilmuwan pondok yang berguru dengan partisipan.

c. Penulisan

Partisipan menghasilkan sembilan karya penulisan dalam bidang ilmu hadis. Karya-karya tersebut berjudul *Tahap Pengajian Hadis, Perselisihan Tiga Zaman, Adakah Anda Mujtahid?, Ikutan Sebenar, Hadis Dhaif, Hadis Maudhu', Menolak Fahaman Anti Hadis, Kekeliruan Dalam Bidang Ilmu Hadis dan Cinta Sejati. Pencerahan Dalam Bidang Hadis* merupakan himpunan bagi tujuh risalah selain *kekeliruan dalam bidang ilmu hadis dan ikutan sebenar*. Karya yang paling mendapat sambutan dalam masyarakat adalah karya berjudul *Pencerahan Dalam Bidang Hadis*. (Maulana Hussein, 2020)

Penjudulan karya menunjukkan karya-karya ini dihasilkan bertepatan isu-isu yang timbul sepanjang pengalaman partisipan mengajar ilmu hadis di Malaysia. Justeru beliau mengambil

tanggungjawab membuat penjelasan menerusi karya-karya tersebut berlandaskan ilmu dan kepakaran hadis yang dimiliki.

d. Kegiatan dalam Periwiyatan Salasilah sanad Kitab Turath Hadis

Kegiatan partisipan dalam periwiyatan salasilah sanad kitab turath hadis dapat dikenalpasti berdasarkan butiran berikut.

i. Detik Awal, Tempoh Pengalaman, Inspirasi dan dorongan

Partisipan menyatakan detik awal beliau bergiat untuk meriwayatkan salasilah sanad kitab turath hadis adalah semasa beliau berkecimpung mengajar para guru pondok Sungai Durian, Kelantan. Partisipan berpengalaman selama 30 tahun dalam kegiatan periwiyatan ini bermula pada tahun 1990. Maulana Yusuf al-As'adi iaitu guru utama partisan merupakan individu yang memberi inspirasi untuk terlibat dalam kegiatan ini. Menurut partisipan lagi, pada dasarnya faktor ingin menyebarkan ilmu hadis menyebabkan beliau terdorong meriwayatkan salasilah sanad ini. (Maulana Hussein, 2020)

ii. Guru *al-ijazah*, *al-sama'* dan *al-qira'ah* serta Nama Kitab

Partisipan menyenaraikan contoh empat orang guru *al-ijazah*, *al-sama'* dan *al-qira'ah* terhadap *kutub al-sab'ah* sebagaimana dalam jadual berikut.

Jadual 1.0 Contoh Guru Riwayat *al-Kutub al-Sittah* Partisipan Malaysia

AL-KUTUB AL-SITTAH	GURU AL-IJAZAH, AL-SAMA' DAN AL-QIRA'AH
Al-Muwatta'	Maulana Yusuf al-As'adi al-Mazahiri
Sahih al-Bukhari	
Sunan Abu Dawud	
Sahih Muslim	Maulana Abdur Rahim al-Benuri
Sunan al-Nasa'ie	Maulana Jalaluddin al-Nadwi
Sunan Ibnu Majah	
Sunan al-Tirmidhi	Maulana Muhammad al-Mazahiri

Sumber Maulana Hussein, 2020

Menurut partisipan, Maulana Yusuf al-As'adi merupakan guru riwayat beliau yang utama. Guru ini berasal dari Myanmar. Partisipan bertemu tokoh dan berguru dengannya di madrasah yang diasaskan oleh tokoh terbabit iaitu Madrasah al-As'adiyah di Myanmar. Partisipan turut menjelaskan antara kepentingan mengambil *ijazah* periwiyatan salasilah sanad kitab-kitab turath hadis daripada guru adalah untuk meraih keberkatan guru dan juga untuk menghindari daripada terjebak dalam menyebarkan ilmu yang sesat. Partisipan juga menyatakan kegembiraan dapat menyambung periwiyatan hadis dengan guru terbabit. (Maulana Hussein, 2020)

iii. Murid *al-ijazah*, *al-sama'* dan *al-qira'ah* serta Nama Kitab

Menurut partisipan murid *al-ijazah*, *al-sama'*, dan *al-qira'ah* beliau adalah ramai merangkumi hampir seluruh Malaysia dan juga di luar negara. Ustaz Hashim dari Singapura merupakan murid

beliau yang paling utama dalam bidang periwayatan salasilah sanad ini. Partisipan turut meletakkan kriteria kepandaian, akhlak yang baik dan ikhlas yang dimiliki oleh murid berkenaan sebagai justifikasi murid terbaik. Ustaz Hashim berkesempatan bertemu partisipan dalam program yang dihadiri bersama di Singapura. Pertemuan ini memberi peluang kepada Ustaz Hashim mengambil periwayatan hadis daripada partisipan. Partisipan turut mengulas kepentingan beliau memberi *ijazah* periwayatan kepada murid supaya sanad berterusan disambungkan dan juga termasuk untuk menyebarkan ilmu hadis. Partisipan juga gembira dapat melunaskan tanggungjawab memberi *ijazah* periwayatan kepada murid-murid beliau. (Maulana Hussein, 2020)

e. Karya *al-Athbat* Partisipan Malaysia

Kupasan berikut menghuraikan resensi karya *al-thabat* partisipan Malaysia. Karya ini belum pernah diperkenalkan dalam arena kajian *al-thabat* Nusantara. Kesedaran terhadap kewujudan karya ini adalah terhad dalam kalangan komuniti pengamal sanad semata.

i. Informasi bibliografi

Partisipan memiliki *sebuah karya al-athbat* yang diberi judul *Qurrah al- 'Ain bi Asanid Maulana Hussayn* atau terjemahannya *Penyejuk Mata dengan sanad sanad Maulana Hussein*. Karya ini disusun atau dikarang oleh anak murid beliau iaitu Syekh Ibrahim Masran al-Banjari. Kandungan utama karya ini adalah sanad dan ijazah bagi tujuh buah kitab hadis muktabar (*al-kutub al-sab'ah*) yang dimiliki oleh partisipan. (Maulana Hussein, 2020)

ii. Motif dan Faedah Pengkaryaan

Motif karya dihasilkan menurut partisipan adalah khusus untuk mengijazahkan kitab-kitab hadis yang terdapat dalam karya ini kepada murid-murid. Antara faedah kandungan karya ini menurut partisipan adalah untuk mendedahkan pengetahuan tentang salasilah sanad partisipan yang berantainya kepada tujuh pengarang asal kitab-kitab turath hadis tersebut iaitu *al-kutub al-sab'ah*. Ia seterusnya berkesinambungan kepada Rasulullah SAW. (Maulana Hussein, 2020)

Selain itu, pengarang karya *thabat* partisipan turut menyatakan lima motif dan faedah karya ini dihasilkan dalam perspektif beliau sebagai murid riwayat kepada partisipan. Lima motif dan faedah tersebut adalah atas dasar untuk memenuhi permintaan penuntut ilmu yang berhasrat mengambil ijazah dari partisipan, juga atas dasar kecintaan kepada partisipan, juga atas dasar kemudahan rujukan untuk kalangan yang ingin mengambil manfaat dalam hal ehwal sanad dan ijazah, juga untuk mengekalkan warisan salasilah sanad ini pada generasi masa hadapan dan juga atas dasar meneladani tradisi turun temurun ahli ilmu terdahulu yang konsisten berkarya tentang sanad dan ijazah serta meriwayatkannya (Ibrahim M.B. 2016).

iii. Metodologi pengkaryaan

Karya ini dihasilkan berdasarkan metodologi *al-awa'il wa al-awakhir* (Ibrahim M. B. 2016) Iaitu penyusun menyatakan hadis pertama dan hadis terakhir bagi setiap kitab-kitab turath hadis tersebut. Ia dalam erti kata lain hanya 14 buah hadis sahaja yang terkandung dalam karya *al-athbat* iaitu hadis pertama dan terakhir *al-Muwatta'*, hadis pertama dan terakhir *Sahih al-Bukhari*, hadis pertama dan terakhir *Sunan Abi Dawud*, hadis pertama dan terakhir *Sunan al-Tirmidhi*, hadis pertama dan terakhir *Sunan al-Nasa'i* dan hadis pertama dan terakhir *Sunan Ibn Majah*. Ia sinonim dengan takrifan *al-awail* iaitu awalan hadis serta *al-awakhir* iaitu akhiran hadis.

Reka bentuk ini dipilih atas dasar untuk menjimatkan masa proses periwayatan disebabkan kesuntukan ruang waktu pertemuan antara guru dan murid (Ibrahim M. B. 2016). Kesukaran

membaca ribuan hadis dihadapan guru sehingga khatam atas tujuan periwayatan menyebabkan muncul metodologi *al-awa'il wa al-awakhir*. Ia membenarkan murid membacakan hanya 14 buah hadis dalam konteks karya ini untuk mendapat sanad secara *sama'* dan diikuti baki hadis ditautkan seterusnya menerusi *al-ijazah*.

Karya *al-athbat* partisipan diinspirasikan oleh tiga buah karya *al-awail wa al-awakhir* terdahulu iaitu *al-Awa'il al-'Ajluniyyah* karya Imam al-'Ajluni, *al-Awa'ill al-Zamzamiyyah al-Malikiyyah* karya Syeih Ahmad Fahmi Zamzam dan *al-Awa'il wa al-Awakhir wa al-Asanid* karya Syeikh Nuruddin Marbu al-Banjari. (Ibrahim M. B. 2016).

iv. Jumlah Rijal dan Guru Riwayat *al-Kutub al-sab'ah* Partisipan Malaysia

Pengarang mengeluarkan tujuh rantaian salasilah sanad partisipan yang bertalian antara rijal demi rijal sehingga persambungan tersebut sampai kepada tujuh pengarang asal *al-kutub al-sab'ah*. Kesemua salasilah sanad kitab turath ini diriwayatkan oleh partisipan daripada empat guru riwayat seperti yang tertera dalam Jadual 2.0. Jumlah rijal atau perawi salasilah sanad setiap kitab tersebut turut diperincikan dalam jadual 2.0.

Jadual 2.0 Jumlah Rijal dan Guru Riwayat *al-kutub al-Sab'ah* Partisipan Malaysia

<i>AL-KUTUB AL-SAB'AH</i>	JUMLAH RIJAL SALASILAH SANAD PARTISIPAN SAMPAI PENGARANG <i>AL-KUTUB AL-SAB'AH</i>	NAMA GURU RIWAYAT KESELURUHAN <i>AL-KUTUB AL-SAB'AH</i>
<i>Al-Muwatta'</i>	32	1. Maulana Muhammad Yusuf al-As'adi 2. Syeikh Mustafa Abu Sulaiman al-Nadwi 3. Syeikh 'Ala' al-Din bin Jamal al-Din al-Afghani 4. Maulana Ubaidullah bin Yusuf
<i>Sahih al-Bukhari</i>	26	
<i>Sahih Muslim</i>	26	
<i>Sunan Abi Dawud</i>	27	
<i>Sunan al-Tirmidhi</i>	26	
<i>Sunan al-Nasa'i</i>	24	
<i>Sunan Ibn Majah</i>	25	

Sumber Ibrahim M. B. (2016)

4.0 KESIMPULAN

Hasil Kajian ini penting dalam menonjolkan bahawa masih terdapatnya penglibatan dan sumbangan ilmuwan nusantara abad 21 Hijrah dalam mengekalkan kelangsungan periwayatan geneologi sanad kitab-kitab turath hadis tanpa putus sehingga sampai kepada pengarang karya turath hadis dan kemuncak rantaian tersebut bertaut kembali dengan sumber mutlak hadis iaitu Rasulullah ﷺ. Hasil kajian turut menunjukkan terdapat usaha yang teratur dan terancang dalam kalangan ilmuwan nusantara dalam mengimplementasi dan mendokumentasi jaringan salasilah sanad ilmu hadis tersebut dalam karya *al-athbat wa al-masanid* yang dihasilkan oleh mereka.

Ilmuwan nusantara masih mengambil berat berkenaan periwayatan sanad seumpama ini meski pun fokus utama pengajian hadis lebih tertumpu kepada ilmu dirayah (kefahaman) hadis.

Dalam erti kata lain, pengamal sanad nusantara telah melunaskan komitmen moral demi memastikan periwayatan sanad kitab-kitab turath hadis ini tidak terjejas malah dapat dilestarikan kelangsungannya sehingga pada masa kini.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada dapatan kajian projek penyelidikan berjudul Kajian Sanad Kitab Turath Hadis dalam *al-athbat wa al-masanid* di Malaysia dan Indonesia. Kod Projek: KUIS/2019/GPIK-32/GPM/04. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 2019.

RUJUKAN

- al-Azhari, Usamat al-Sayyid Mahmud. 2008. Mu'jam al-shuyukh. Negeri Sembilan: Sofa Production.
- Brown, J.A.C. 2009. Hadith Muhammad's legacy in the medieval and modern world. Oxford: Oneworld Publications.
- Ibrahim Masran al-Banjari. (2016). Qurrah al-'Ayn bi Asanid Maulana Hussayn. t.tp: Majlis al-Banjari li al-Tafaquh fi al-Din.
- al-Mar'asyli, Yusuf 'Abd al-Rahman. 2002. Mucjam al-ma'ajim wa al-mashyakhat wa al-faharis wa al-baramij wa al-athbat. 4 Jil. Riyad: Maktabat al-Rushd.
- Maulana Hussein. 2020. Latar Belakang Partisipan Malaysia. Temu bual, 24 April.